

TARIKH	RABU, 28 FEBRUARI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	SUNGAI KIM - KIM TERCEMAR TAHAP 3
M/S	16
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	CONTAMINATION

Sungai Kim-Kim tercemar tahap tiga



Tian Soon meninjau proses pengambilan sampel air di sungai sekitar Pasir Gudang, semalam.

(Foto Mary Victoria Dass/BH)

Pengambilan sampel air lebih kerap elak pencemaran sisa toksik berulang

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Pasir Gudang: Sungai Kim-Kim yang pernah mencetus kontroversi kes pencemaran sisa toksik

kimia pada 2019, adalah antara empat sungai di sekitar kawasan perindustrian di sini, didapati dalam tahap tercemar dan memerlukan pemantauan kerap.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon, berkata selain Sungai Kim Kim, sungai yang didapati turut tercemar termasuk Sungai Tukang Batu, Sungai Perambi dan Sungai Buloh.

Beliau berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor dan cawangan Pasir Gudang serta Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) mengadakan tinjauan di sungai berkenaan kelmarin.

Peringkat pemantauan

"Berdasarkan sampel air yang diambil, sungai berkenaan didapati berada di tahap tiga dan empat iaitu keadaan yang membimbangkan. Usaha mengambil sampel air di sungai berkenaan akan digandakan serta pemantauan daripada semasa ke semasa akan dijalankan.

"Ja bagi memastikan peristiwa pencemaran sisa toksik di Sungai Kim Kim yang pernah melanda kawasan ini sebelum ini tidak berulang.

"Kami berharap pengilang, pe-

ngusaha mematuhi peraturan selain pelbagai agensi bersama menjajah kelestarian dan kebersihan sungai. Kesihatan warga Pasir Gudang adalah penting.

"Pihak industri dikehendaki memastikan sebarang pencemaran alam sekitar yang boleh menjejaskan kesihatan awam tidak berlaku dan sentiasa mematuhi semua Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS) yang termaktub di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

"Antara punca menyebabkan

sungai tercemar adalah akibat aktiviti industri, kumbahan, dan sikap membuang sampah sesetengah masyarakat," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Terdapat enam kelas sungai dikategorikan JAS iaitu Kelas 1 (dalam keadaan semula jadi), Kelas 2A (siri memerlukan rawatan konvensional), Kelas 2B (Air boleh digunakan untuk rekreasi), Kelas 3 (Air memerlukan rawatan intensif), Kelas 4 (hanya untuk tujuan pengairan dan kelas 5 (air yang tercemar teruk).

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM